

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 MEI 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Bekalan air untuk Selangor, Lembah Klang mencukupi semasa El Nino - Khalid	Bernama.com
2	Gempa bumi kuat melanda pantai barat utara sumatra	Bernama.com



Bekalan Air Untuk Selangor, Lembah Klang Mencukupi Semasa El Nino - Khalid

SHAH ALAM, 18 Mei (Bernama) -- Kerajaan Selangor telah membuat persediaan bagi memastikan simpanan bekalan air mencukupi untuk rakyat negeri ini dan Lembah Klang untuk tempoh enam bulan apabila fenomena El Nino melanda negara ini.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata kerajaan negeri sudahpun melaksanakan projek *Hybrid off River Augmentation System* (Horas) bagi menambah bekalan air mentah.

"Jika bulan Jun, Julai dan Ogos ini dikatakan musim El Nino, maka kita dapat menyediakan air secukupnya untuk tempoh tersebut kerana rizab air boleh menampung sehingga enam bulan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelepasan program kayuhan 'Shah Alam Enduride 2014' di sini Ahad.

[Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan negara dijangka mengalami musim kering pada bulan Jun sehingga September tahun ini.

Selain itu, Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) meramalkan fenomena El Nino berkemungkinan berlaku pertengahan tahun ini dan mungkin berlanjutan antara enam hingga 18 bulan.

Sebahagian Selangor dan Lembah Klang mengalami catuan air secara berjadual dan berperingkat selama tiga bulan antara Februari dan April ekoran kekurangan bekalan air semasa musim panas baru-baru ini.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 18 MEI 2014 (AHAD)



Gempa Bumi Kuat Melanda Pantai Barat Utara Sumatra

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.1 pada skala Richter berlaku di Pantai Barat Utara Sumatra, Indonesia pada 9.02 pagi ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini, gempa berpusat di 307km barat daya Banda Aceh, Indonesia dan 817km barat daya Langkawi, Kedah.

Gempa berkenaan bagaimanapun tidak mendatangkan sebarang ancaman tsunami.

-- BERNAMA